



مجلس قنبلان لڠکاوی بنداری پخو عن
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN

KUAH, 07000 LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN



شەھىرى

KEDAH SEJAHTERA

NIKMATI HUTUK SEMUA

Rujukan: Bf1(40) dlm.MPLBP.PEN.7.90 JLD.3

Tarikh : 22 Mei 2022

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Kedah Darul Aman/ warganegara Malaysia yang berkelayakan serta berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup permohonan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut: -

A.

BIL	JAWATAN	GRED	TARAF	JADUAL GAJI (RM)		
				GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN TAHUNAN
1.	Pegawai Kesihatan Persekutuan	U41	Kontrak	RM 2,429.00	RM 9,656.00	RM 225.00
2.	Penolong Pegawai Senibina	JA29	Kontrak	RM 1,549.00	RM 5,701.00	RM 145.00
3.	Penolong Pegawai Pertanian	G29	Tetap	RM 1,494.00	RM 5,674.00	RM 145.00
4.	Pembantu Penilaian	W19	Tetap/Kontrak	RM 1,353.00	RM 4,005.00	RM 100.00
5.	Penghantar Notis	N11	Tetap/Kontrak	RM 1,216.00	RM 2,983.00	RM 80.00
6.	Pembantu Operasi	N11	Tetap/Kontrak	RM 1,216.00	RM 2,983.00	RM 80.00

B) SYARAT-SYARAT LANTIKAN

JAWATAN 1 - PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U41

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred U41: RM 2,429.00)
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Had umur pelantikan:
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

DESKRIPSI TUGAS:

Bertanggungjawab dalam merancang, mengurus dan menilai program :

- a. Kawalan Penyakit (Penyakit Berjangkit, Penyakit Bawaan Vektor)
- b. Keselamatan dan kualiti makanan.
- c. Kawalan Mutu Air Minuman (KMAM)
- d. Perundungan dan Penguatkuasa
- e. Pengurusan dan analisis data
- f. Promosi kesihatan dan risiko komunikasi
- g. Merancang keperluan sumber manusia, kewangan dan logistik
- h. Penyelidikan dan pembangunan
- i. Merancang program intervensi

JAWATAN 2 – PENOLONG PEGAWAI SENIBINA GRED JA29

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM 1,549.00); atau
 - (ii) Diploma dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji Permulaan pada Gred JA : RM 1,935.02)
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS:

Bertanggungjawab ke atas permohonan kebenaran merancang bagi pendirian bangunan, permohonan pelan susun atur, permohonan kelulusan landskap, Permohonan pemasangan papan tanda bangunan komesial dan bangunan pejabat Kerajaan. Menyelaras pengeluaran surat sokongan Perakuan Kelayakan Menduduki Bangunan (CF), Permohonan Ubahsuai Bangunan, reka bentuk ruang pameran dan bahan – bahan pameran, ulasan cadangan pencahayaan bangunan dan ulasan cadangan reka bentuk dalaman bagi bangunan – bangunan di bawah penyeliaan jabatan serta lain – lain tugas yang berkaitan.

JAWATAN 3 – PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN GRED G29

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi latihan tempatan atau kelayakan yang setaraf dengan.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred G29: RM 1,494.00); atau
 - (ii) Diploma dalam bidang pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred G29: RM 1,847.86)
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS:

Membantu merancang aktiviti – aktiviti penerangan berhubung dengan polisi projek, menghadiri ceramah, dialog, kursus/latihan, memberi taklimat dan menerbitkan risalah dan bahan terbitan berhubung dengan projek pertanian.

JAWATAN 4 – PEMBANTU PENILIAN GRED W19

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam Subjek matematik pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,353.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred w19: RM1,409.40); atau

- (iii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80).
- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS:

Bertanggungjawab menerima arahan dan menjalankan penilaian harta tanah dan pentadbiran, menjalankan latihan dan penyelidikan, mendapatkan kelulusan terhadap nilai yang melebihi kuasa untuk melaporkannya dan lain-lain kelulusan terhadap perkara dinyatakan di atas.

JAWATAN 5- PENGHANTAR NOTIS GRED N11

- 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta lesen memandu sekurang-kurangnya Kelas B2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].(Gaji Permulaan pada Gred N11 : RM1,216.00)
- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS:

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas penghantaran notis dan dokumen berkaitan kepada semua pihak yang berurusan dengan organisasi.

JAWATAN 6- PEMBANTU OPERASI GRED N11

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (d)
 - (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji Permulaan pada Gred N11: RM1,216.00); atau
 - (ii) PT3/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan memiliki lesen memandu kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu percubaan (P)].(Gaji Permulaan pada Gred N11 : RM1,262.15)
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS:

Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat sehari-hari melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen/saman/notis serta pemanduan kenderaan. Memandu dan menyenggara kenderaan yang diliputi oleh lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam pejabat.

C. KUMPULAN PERKHIDMATAN

- JAWATAN 1 : Pengurusan dan Profesional
JAWATAN 2 : Pelaksana
JAWATAN 3 : Pelaksana
JAWATAN 4 : Pelaksana
JAWATAN 5 : Pelaksana
JAWATAN 6 : Pelaksana
JAWATAN 7 : Pelaksana

D. KLASIFIKASI PERKHIDMATAN

- JAWATAN 1 : Kesihatan
JAWATAN 2 : Kejuruteraan
JAWATAN 3 : Pertanian
JAWATAN 4 : Kewangan
JAWATAN 5 : Pentadbiran dan Sokongan
JAWATAN 6 : Pentadbiran dan Sokongan

E. TARAF JAWATAN

- JAWATAN 1 : Kontrak
JAWATAN 2 : Kontrak
JAWATAN 3 : Tetap
JAWATAN 4 : Tetap/Kontrak
JAWATAN 5 : Tetap/Kontrak
JAWATAN 6 : Tetap/Kontrak

F. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT

Calon-calon yang dilantik adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

G. CARA MEMOHON

- (i) Borang permohonan **HANYA** boleh didapati dengan memuat turun di laman web Majlis – www.mplbp.gov.my.
- (ii) Borang yang telah lengkap diisi beserta salinan kad pengenalan, sijil kelahiran dan sijil-sijil kelulusan yang **PERLU** diperakui sah sebagai salinan sebenar oleh **Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Gred 41 ke atas)** sahaja. Pemohon hendaklah menulis nama jawatan yang dipohon disudut atas sebelah kiri sampul surat dan dialamatkan kepada:-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN
07000 KUAH, LANGKAWI
KEDAH DARUL AMAN**


Pada atau sebelum: **13 JUN 2022**

- (iii) Pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan borang permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 dan menyertakan bersama-sama Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi (LNPT) terkini yang telah diakui sah.
- (iv) Permohonan yang lewat diterima dan tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan tidak layak dan tidak akan dipertimbangkan.
- (v) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (vi) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh enam (6) bulan selepas dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA"

Saya yang menjalankan amanah,


(TUNKU ISKANDAR SHAH BIN TUNKU MUSZAFFAR SHAH, AMN.,AMK, BCK)

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman